

## **PENGUNAAN KAEDAH “NOISE-O-METER” DALAM MENINGKATKAN KAWALAN KELAS TAHUN DUA**

**Nee Huey Huey**  
jennienieteo@gmail.com

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan meningkatkan kawalan kelas Tahun Dua melalui kaedah “Noise-O-Meter”. “Noise-O-Meter” merupakan satu kaedah yang memberi tumpuan kepada pengurusan tingkah laku dalam bilik darjah. Peserta kajian ini terdiri daripada 39 orang murid Tahun 2 Bestari dari Sekolah Kebangsaan SB. Kaedah pemerhatian digunakan untuk mengumpul data. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah “Noise-O-Meter” membantu saya meningkatkan pengawalan kelas dengan lebih berkesan. Saya ingin melanjutkan kajian ini dengan kaedah-kaedah lain dalam teknik pengurusan tingkah laku.

**Kata kunci:** Kaedah “Noise-O-Meter”, kawalan kelas, murid Tahun Dua

### **Abstract**

This study aimed to improve Year Two classroom control through the use of “Noise-O-Meter” method. “Noise-O-Meter” is a method that focuses on behaviour management in the classroom. Participants in this study consisted of 39 Year 2 Bestari pupils from SB National Primary School. The data for this study were collected through observation. The data were then analysed using content analysis. The results showed “Noise-O-Meter” method was able to help me in improving class control more effectively. I would like to extend this research by using other methods in behaviour management.

**Keywords:** “Noise-O-Meter” method, class Control, Year Two pupils

## **PENGENALAN**

### **Konteks**

Saya merupakan seorang guru yang beropsyen Muzik tetapi mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Matematik selama sembilan tahun. Oleh itu, saya telah diamanahkan mengajar Matematik walaupun berpindah ke sekolah baharu.

Kajian ini memberi fokus kepada murid-murid Tahun 2 Bestari di Sekolah Kebangsaan (SK) SB (nama samaran) yang terdiri daripada 39 orang murid. Bilangan murid yang ramai menyebabkan saya mengalami kesukaran dalam membantu mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kelas.

Sebelum berpindah ke SK SB, saya telah mengajar di sebuah sekolah rendah di kawasan pedalaman (P1) selama tujuh tahun. Semasa mengajar di sekolah tersebut, saya tidak mengalami masalah kawalan kelas semasa menjalankan aktiviti P&P kerana bilangan murid sekolah tersebut bagi setiap kelas tidak melebihi 10 orang murid. Oleh itu, saya dapat memberi perhatian langsung kepada semua murid semasa P&P dijalankan. Pada setiap hari, saya bersemangat ke sekolah walaupun perjalanan jauh.

Namun begitu, saya menghadapi masalah dari segi kawalan kelas setelah berpindah ke SK SB. Kebanyakan murid sentiasa membuat bising dan tidak memberikan tumpuan terhadap pengajaran saya. Terdapat murid-murid yang lemah iaitu murid-murid yang mempunyai masalah Literasi dan Numerasi (LINUS) yang tidak dapat mengikuti aktiviti P&P kerana saya tidak dapat menarik minat mereka. Kebisingan murid-murid kadang kala telah menyebabkan saya tidak dapat menghabiskan sesi P&P pada hari berkenaan. Dengan itu, saya terpaksa mengulangi pengajaran pada hari yang lain.

Lama-kelamaan, murid-murid Tahun 2 Bestari berasa bosan dan kelas semakin bising apabila perbuatan ini berulang. Oleh itu, saya terpaksa menggunakan jeritan dan hukuman untuk mengawal kelas. Jeritan dan hukuman bukan sahaja merenggangkan hubungan murid-murid dengan saya, malah semangat mendidik pada diri saya semakin menurun.

*School Improvement Specialist Coaches (SISC+)* telah memberi komen kepada saya bahawa pengurusan dan kawalan kelas saya hendaklah ditekankan. Perilaku atau tingkah laku murid ketika belajar dalam kelas perlu diberi perhatian untuk mengelak masalah kebisingan dan kehilangan tumpuan murid terhadap pengajaran. Tingkah laku murid yang bermasalah ini sebenarnya mengganggu P&P harian saya.

Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk membuat penyelidikan tindakan tentang kawalan kelas menggunakan kaedah “Noise-O-Meter”. Kaedah ini merupakan kaedah modifikasi tingkah laku. Tujuan penggunaan modifikasi tingkah laku adalah untuk mengubah tingkah laku negatif murid yang dikesan dalam bilik darjah kepada tingkah laku positif. Selain itu, kaedah ini dapat menyelesaikan tingkah laku bermasalah yang berlaku serta membentuk iklim bilik darjah yang berdisiplin dan kondusif untuk aktiviti P&P. Menurut Atkinson (1990), tingkah laku bermasalah merupakan tingkah laku negatif yang terkeluar daripada norma-norma, kehendak dan nilai sesuatu masyarakat.

### **Isu Keprihatinan**

Melalui pemerhatian saya di SK SB selama sebulan di kelas 2 Bestari, saya mendapati kebanyakan murid yang belum menguasai LINUS

bukan sahaja selalu bising malah tidak menumpukan perhatian semasa P&P dijalankan. Hal ini telah mengganggu murid-murid perdana yang ingin belajar Matematik. Selain itu, saya turut mendapati murid-murid LINUS enggan memberi kerjasama semasa aktiviti kumpulan dijalankan. Perbuatan murid-murid LINUS telah menyebabkan murid-murid perdana enggan membentuk kumpulan bersama mereka.

Dengan itu, fokus kajian saya lebih kepada peningkatan kawalan kelas dengan menggunakan kaedah “Noise-O-Meter” kerana saya menyedari bahawa murid-murid sepatutnya belajar untuk memperoleh ilmu semasa P&P dijalankan. Sebagai seorang guru, sekiranya saya membiarkan murid-murid dengan tingkah laku desruptif, maka murid-murid tidak akan dapat belajar, sebaliknya asyik mengganggu murid-murid lain yang ingin belajar. Kegagalan mengawal keadaan bilik darjah oleh seseorang guru akan mengundang kesukaran pencapaian tujuan dan matlamat P&P. Menurut Eileen (2000), sistem kawalan kelas yang lemah akan menjadi punca utama kebanyakan proses P&P tidak dapat dijalankan dengan baik. Antaranya adalah seperti kurang minat murid terhadap proses P&P yang dijalankan, kurang rasa hormat kepada guru serta hilang rasa tanggungjawab sebagai seorang murid juga menyebabkan mereka sering tidak mengendahkan tugas dan arahan yang diberikan oleh guru.

Sebaliknya, seseorang guru yang mempunyai kemahiran mengawal bilik darjah dengan baik, maka matlamat P&P mudah dicapai kerana murid-murid dapat memberikan tumpuan perhatian kepada pengajaran guru. Dengan adanya kemahiran kawalan dan pengurusan bilik darjah yang sempurna, disiplin murid-murid dapat dipertingkatkan dan aktiviti-aktiviti P&P dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Secara tidak langsung, murid-murid akan sentiasa mematuhi peraturan kelas dan mengikuti arahan guru serta berminat untuk belajar.

### **Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini secara umumnya adalah untuk meningkatkan kawalan kelas saya dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari semasa P&P Matematik. Objektif khusus kajian ini ialah untuk:

- menambah baik kawalan kelas saya dengan menggunakan kaedah “Noise-O-Meter” dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari; dan
- menambah baik tumpuan murid terhadap P&P harian dengan kaedah “Noise-O-Meter”.

### **Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut.

- Bagaimanakah kaedah “Noise-O-Meter” menambah baik kawalan kelas saya dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari ?

Nee Huey Huey/ Penggunaan kaedah “Noise-O-Meter” dalam meningkatkan kawalan kelas Tahun Dua

- Sejauh manakah kaedah “Noise-O-Meter” menambah baik tumpuan murid-murid Tahun 2 Bestari terhadap P&P Matematik?

## PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

### Perancangan Tindakan

Bagi mencapai objektif kajian ini, saya telah menggunakan kaedah “Noise-O-Meter” untuk meningkatkan kawalan kelas semasa P&P harian dijalankan. Kaedah “Noise-O-Meter” bukan sahaja memastikan murid-murid dapat mematuhi peraturan bilik darjah malah dapat mengurangkan gangguan melalui peraturan dan struktur yang telah ditetapkan. Matlamat saya mempraktikkan kaedah “Noise-O-Meter” dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab atas tindakan mereka dan pada masa yang sama dapat mendisiplinkan diri. Menurut Newell dan Jeffery(2002), disiplin terutamanya disiplin sendiri boleh menjadi proses pembelajaran yang kreatif dalam bilik darjah.

### Pelaksanaan Tindakan

Selepas sebulan, saya telah memperkenalkan tiga set peraturan melalui kaedah “Noise-O-Meter” dalam kelas kepada murid-murid. Peraturan pertama melibatkan pengenalan teknik “Give Me Five” dalam pengurusan tingkah laku seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. Teknik ini telah saya paparkan pada kad imbasan dan ditampal pada papan putih kelas Tahun 2 Bestari.




Sumber: Make, Take & Teach. (n.d.)

Rajah 1. Kad Imbasan “Give Me Five”

Peraturan teknik “Give Me Five” yang perlu diamalkan oleh murid-murid adalah seperti berikut.

1. Murid-murid dikehendaki memandang ke arah guru.
2. Murid-murid diminta diam semasa guru sedang bercakap.
3. Murid-murid harus kekal di tempat duduk masing-masing tanpa bergerak ke sana sini.
4. Murid-murid harus mengangkat tangan jika hendak bercakap.
5. Murid-murid harus mendengar arahan guru.

Dalam lima saat sahaja, kelas akan menjadi senyap. Menurut Wong (2004), pengurusan bilik darjah bukan berupa mewujudkan disiplin. Anda sebenarnya mengurus sesebuah stor. Anda tidak mendisiplinkan sesuatu stor. Anda mengurus sesebuah pasukan. Anda tidak mendisiplinkan sesebuah pasukan. Anda mengurus sesebuah bilik darjah. Anda tidak mendisiplinkan sesebuah bilik darjah. Rajah 2 menunjukkan pelaksanaan teknik “Give Me Five” dalam kelas.



Rajah 2. Pelaksanaan teknik “Give Me Five” dalam kelas

Teknik “Give Me Five” boleh digunakan pada bila-bila masa dan tidak kira semasa aktiviti individu, berpasangan atau berkumpulan. Sekiranya tingkah laku murid-murid tidak dapat dikawal dan keadaan kelas bising, maka teknik ini dapat mengawal kelas tersebut dalam lima saat.

Peraturan kedua adalah teknik pengurusan tingkah laku dalam “Noise-O-Meter”. Menurut Rogers (2007), pengurusan tingkah laku yang bermakna melibatkan pendekatan penggunaan pelan tindakan utama. Pelan tingkah laku bilik darjah yang menyatakan bagaimana gred dan kecenderungan guru dalam mengurus tingkah laku didapati membantu khususnya yang berkaitan dengan hak, peraturan dan tanggungjawab bilik darjah. Pengurusan tingkah laku dibahagikan kepada enam tahap iaitu:

- i. *Ninja mode*
- ii. *Spy talk*
- iii. *Low flow*
- iv. *Formal normal*
- v. *Presenting*
- vi. *Outside mode*


Namun begitu, saya hanya memperkenalkan tiga tahap dalam kaedah “Noise-O-Meter” semasa P&P Matematik Tahun 2 Bestari. Ketiga-tiga tahap tersebut dipersembahkan dalam bentuk kad imbasan yang terdiri daripada gambar-gambar mengikut kesukaan murid-murid. Tiga tahap dalam kaedah “Noise-O-Meter” adalah seperti berikut.

1. “Ninja Mode” (individu) (Rajah 3): Murid-murid dikehendaki menyelesaikan soalan Matematik secara individu dengan senyap.
2. “Spy Talk” (berpasangan) (Rajah 4): Murid-murid diminta menyemak jawapan secara berpasangan iaitu seperti mentor dan mentee.

Nee Huey Huey/ Penggunaan kaedah “Noise-O-Meter” dalam meningkatkan kawalan kelas Tahun Dua

Sekira jawapan mentee salah, maka mentor akan membimbing mentee.

3. “Low Flow” (berkumpulan) (Rajah 5): Dua pasangan mentor dan mentee dalam kumpulan akan menyemak jawapan.



Sumber: Minions Universal Pictures (2014)



Sumber: Minions Universal Pictures (2014)

Rajah 3. Kad imbasan “Ninja Mode”

Rajah 4. Kad imbasan “Spy Talk”




Sumber: Minions Universal Pictures (2014)

Rajah 5. Kad imbasan “Low Flow”

Peraturan ketiga pula melibatkan penggunaan “Traffic Light Card” abad ke-21 untuk meningkatkan tumpuan perhatian pada pembelajaran matematik. Murid-murid Tahun 2 Bestari kurang berminat belajar dan ini telah menjadi satu penghalang untuk mencapai tujuan yang diinginkan malah menyebabkan murid-murid malas belajar serta kurang melibatkan diri dalam segala aktiviti yang telah dijalankan sewaktu pembelajaran matematik.

Dengan itu, saya menghasilkan sistem penggunaan “Traffic Light Card” abad ke-21 dengan menggunakan warna biru, hijau, kuning dan merah. Tujuan ini bukan sahaja memudahkan saya selaku guru mengurus tingkah laku murid tetapi mendapat respons murid-murid tentang kefahaman terhadap topik yang diajar. Sekiranya semasa sesi penilaian, ramai murid mengangkat kad berwarna biru dan hijau, maka saya hanya perlu memberi tumpuan kepada murid yang mengangkat kad warna kuning dan warna merah. Rajah 6 menunjukkan saya memperkenalkan penggunaan “Traffic Light Card” kepada murid-murid.



Nota: **Petunjuk “Traffic Light Card”**

Merah = tidak tahu

Kuning = masih terdapat kekeliruaan

Hijau = tahu

Biru = tahu dan dapat membimbing kawan

*Rajah 6.* Guru memperkenalkan “Traffic Light Card” kepada murid-murid

Penggunaan pendekatan “Traffic Light Card” bukan sahaja mendapat respons murid-murid malah menarik tumpuan murid semasa menjawab soalan-soalan objektif yang telah dikemukakan oleh saya secara berdisiplin.

## KAEDAH KAJIAN

### **Peserta Kajian**

Selain saya selaku guru dan penyelidik, peserta kajian saya terdiri daripada 39 orang murid Tahun 2 Bestari di SK SB. Terdapat dua orang murid pemulihan numerasi, 14 orang murid yang belum menguasai LINUS dan 23 orang murid perdana yang telah melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan ini.

### **Etika Penyelidikan**

Sebelum memulakan kajian ini yang melibatkan 39 orang murid Tahun 2 Bestari, terlebih dahulu saya telah berbincang dengan pegawai S/SC+ Padawan tentang penyelidikan tindakan ini. Selepas itu, saya telah mendapat kebenaran daripada Guru Besar untuk menjalankan penyelidikan ini melibatkan semua murid Tahun 2 Bestari dari SK SB.

Setelah mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah, saya memberikan penerangan pula kepada 39 orang murid Tahun 2 Bestari tentang penyelidikan tindakan ini serta tanggungjawab saya. Kemudian, saya telah mendapatkan persetujuan daripada mereka untuk terlibat sebagai peserta kajian ini.

### **Teknik Mengumpul Data**

**Pemerhatian.** Saya mula melaksanakan pemerhatian dari 15hb. Februari 2016 sehingga 24hb. Mac 2016. Pemerhatian saya dibuat dengan bantuan rakaman visual bentuk gambar oleh pegawai S/SC+ Padawan.

Dalam pemerhatian saya bagi setiap P&P yang dilaksanakan, saya telah meneliti setiap tingkah laku murid-murid, tindak balas mereka, karenah, ekspresi muka, penglibatan diri dalam aktiviti P&P, dan pergerakan serta perubahan tingkah laku mereka. Sebagai contohnya, Rajah 7 menunjukkan murid-murid tidak menumpu perhatian semasa P&P dijalankan.



Rajah 7. Murid-murid tidak menumpu perhatian semasa P&P dijalankan


### REFLEKSI DAPATAN

- **Bagaimanakah kaedah “Noise-O-Meter” menambah baik kawalan kelas saya dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari ?**

Dapatan kajian menunjukkan saya berjaya menggunakan kaedah “Noise-O-Meter” untuk menambah baik kawalan kelas dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari semasa P&P Matematik. Kaedah ini melibatkan beberapa teknik seperti yang dihuraikan berikut.

Sebelum penggunaan teknik ini, saya telah membahagikan murid-murid kepada kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli. Terdapat dua orang mentor dan dua orang mentee dalam setiap kumpulan.

Semasa sesi P&P, saya bermula dengan penggunaan “Ninja Mode” bagi aktiviti menyelesaikan soalan matematik secara individu dengan senyap (Rajah 8).



Rajah 8. “Ninja Mode” (individu): Murid-murid menyelesaikan soalan matematik secara individu dengan senyap

Seterusnya, kad imbasan “Spy Talk” ditampalkan pada papan putih semasa pelaksanaan aktiviti berpasangan (Rajah 9) turut dilaksanakan untuk meningkatkan kawalan kelas saya semasa P&P.




Nee Huey Huey/ Penggunaan kaedah “Noise-O-Meter” dalam meningkatkan kawalan kelas Tahun Dua



Rajah 9. Kad imbasan “Spy Talk” ditampalkan pada papan putih untuk aktiviti berpasangan

“Spy Talk” dilaksanakan semasa murid-murid menyemak jawapan secara berpasangan melalui sistem mentor dan mentee. Sekira jawapan mentee salah, maka mentor akan membimbing mentee (Rajah 10).



Rajah 10. *Spy Talk* (berpasangan): Murid-murid menyemak jawapan secara berpasangan (mentor dan mentee)

Kad imbasan “Low Flow” (Rajah 11) untuk kerja kumpulan turut digunakan.



Rajah 11. Kad imbasan “Low Flow”


Penggunaan kad imbasan “Low Flow” mengkehendaki dua pasangan mentor dan mentee dalam satu kumpulan menyemak jawapan bersama (Rajah 12).



Rajah 12. “Low Flow” (berkumpulan): Dua pasangan mentor dan mentee menyemak jawapan bersama


Nee Huey Huey/ Penggunaan kaedah “Noise-O-Meter” dalam meningkatkan kawalan kelas Tahun Dua

Teknik seterusnya melibatkan murid-murid menulis jawapan masing-masing pada **combo-mat** (Rajah 13) manakala ketua kumpulan akan membantu guru menyemak jawapan selepas mendapat jawapan daripada guru.



Rajah 13. Murid-murid menulis jawapan pada **combo-mat**

Sekiranya terdapat kesilapan, saya selaku guru bergerak ke kumpulan berkaitan untuk membuat penjelasan (Rajah 14).



Rajah 14. Guru membuat penjelasan sekiranya terdapat kesilapan jawapan

Penggunaan kaedah “Noise-O-Meter” telah menyebabkan saya mencari teknik sesuai untuk pengurusan tingkah laku murid-murid Tahun 2 Bestari seperti yang dijelaskan lebih awal. Teknik-teknik pada kaedah “Noise-O-Meter” selain Teknik “Give Me Five” dan “Traffic Light Card” yang dijelaskan lebih awal mewujudkan struktur dan sistem semasa P&P Matematik berlangsung. Ini secara langsung membantu menambah baik kawalan kelas saya dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari.

- **Sejauh manakah kaedah “Noise-O-Meter” menambah baik tumpuan murid-murid Tahun 2 Bestari terhadap P&P Matematik?**

Dapatan kajian menunjukkan saya berjaya menggunakan kaedah “Noise-O-Meter” bagi menambah baik tumpuan murid terhadap P&P harian saya. Ini jelas ditunjukkan oleh data yang dipersembahkan pada Rajah 8, Rajah 10, Rajah 12 dan Rajah 13. Malahan, semua murid melibatkan diri dalam aktiviti P&P Matematik yang telah dirancang. Murid-murid bukan sahaja tidak berasa bosan semasa P&P dijalankan malahan minat murid-murid terhadap P&P harian dapat dipupuk.

Nee Huey Huey/ Penggunaan kaedah “Noise-O-Meter” dalam meningkatkan kawalan kelas Tahun Dua

Penggunaan “Traffic Light Card” turut dilakukan semasa menggunakan kaedah “Noise-O-Meter”. Penggunaan “Traffic Light Card” telah memudahkan saya selaku guru mengesan murid yang tidak menumpu perhatian semasa pembelajaran matematik.

Setiap kali sebelum menjalankan aktiviti menjawab soalan, saya akan bertanya murid-murid, “Adakah sudah bersedia untuk menjawab?” Murid-murid hanya dibenarkan jawab dengan menggunakan “Traffic Light Card” iaitu warna merah (belum bersedia) dan warna hijau (sudah bersedia). Dengan ini, saya bukan sahaja berjaya menarik perhatian murid-murid Tahun 2 Bestari sebelum aktiviti menjawab soalan dijalankan malah juga dapat mengawal disiplin kelas agar memberi tumpuan dan perhatian terhadap soalan yang dikemukakan oleh guru.

Penggunaan “Traffic Light Card” turut menjadi suatu penggerak kepada murid-murid bagi memberi kerjasama secara tertib dan sistematik kepada saya semasa aktiviti menjawab soalan. Rajah 15 menunjukkan contoh penggunaan “Traffic Light Card” semasa aktiviti menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh guru.



Rajah 15. Contoh penggunaan “Traffic Light Card” semasa menjawab soalan

## REFLEKSI

Penyelidikan tindakan ini telah menyebabkan saya banyak mempelajari perkara yang baharu sebagai seorang guru. Ini merupakan kali pertama saya melaksanakan satu penyelidikan tindakan di sekolah. Walau bagaimanapun, saya telah mendapat kerjasama daripada murid-murid Tahun 2 Bestari SK SB. Dengan itu, masalah pengurusan kawalan kelas semasa P&P telah dapat diatasi.

Secara ringkasnya, kaedah “Noise-O-Meter” telah menambah baik kawalan kelas saya dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Bestari. Di samping itu, penggunaan kaedah “Noise-O-Meter” turut dapat menambah baik tumpuan murid-murid semasa P&P harian. Hal ini telah mencadangkan bahawa kaedah yang telah saya perkenalkan amat mudah diterima dan difahami oleh murid-murid.

Melalui penyelidikan tindakan ini, saya telah dapat mengeratkan lagi hubungan dengan murid-murid Tahun 2 Bestari termasuk juga murid-murid yang belum menguasai LINUS. Mereka sudi melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan tanpa gangguan kepada murid-murid perdana. Sebaliknya, murid-murid perdana turut melibatkan diri selaku mentor untuk membimbing murid-murid yang belum menguasai LINUS yang sebagai mentee.

Di samping itu, saya juga mempelajari kepentingan membuat perancangan rapi sebelum melaksanakan sebarang tindakan. Segala perancangan yang dibuat seharusnya mengambil kira beberapa aspek kekuatan, kelemahan dan juga sebarang kemungkinan perkara yang boleh menjadi penghalang kepada tindakan yang dilakukan.

Implikasi utama dalam kawalan kelas menggunakan kaedah “Noise-O-Meter” ialah bukan sahaja mewujudkan tingkah laku yang positif malah juga membawa perubahan dari segi proses pembelajaran itu sendiri ke arah peningkatan pencapaian akademik. Selaku guru, pengurusan kelas adalah penting semasa P&P berlangsung. Hal ini kerana, dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) Standard 4, pengurusan kelas merupakan satu elemen yang penting.

### **CADANGAN KITARAN SETERUSNYA**

Setelah menjalankan kajian ini, saya amat berharap pada masa hadapan, saya dapat meneroka teknik-teknik berkaitan dengan tindakan kawalan kelas seperti “Formal-normal”, “Presenting” dan “Outside mode” dalam pengurusan tingkah laku.

### **KESIMPULAN**

Kaedah “Noise-O-Meter” ini telah berjaya mencapai objektif kerana telah menambah baik kawalan kelas saya dan juga menambah minat murid-murid terhadap P&P saya terutama murid-murid yang belum menguasai LINUS.

### **RUJUKAN**

- Atkinson, R. (1990), *Introduction to psychology*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Eileen Ferrance. (2000). *Action Research*. Providence RI, U.S.A.: LAB at Brown University.
- Make, Take & Teach*. (Image). Dimuat turun dari <https://i.pinimg.com/originals/48/51/63/4851639868f31754511ba6ce1dabed30.png>
- Minions Universal Pictures. (2014). *Low Flow* (Image). Dimuat turun dari <http://i.ebayimg.com/images/i/151983574341-0-1/s-l1000.jpg>

Nee Huey Huey/ Penggunaan kaedah "Noise-O-Meter" dalam meningkatkan kawalan kelas Tahun Dua

Minions Universal Pictures. (2014). *Ninja Mode* (Image). Dimuat turun dari <https://www.amazon.com/Despicable-Me-Minion-Posable-Thinkway/dp/B00BZWEEEDQ>

Minions Universal Pictures. (2014). *Spy Talk* (Image). Dimuat turun dari <http://www.neontommy.com/sites/default/files/users/user835/despicable-me-2-laughing-minions.jpg>

Newell, S., & Jeffery, D.(2002). *Behaviour management in the classroom*, London: David Fulton Publishers.

Rogers, B. (2007). *Behaviour management: A whole school approach*. London: Paul Chapman Publishers.

Wong, K. H., & Wong, T.R., (2009). *The first days of school: How to be an effective teacher*. Mountain View, CA: Harry K. Wong Publications.